


**PERPUSTAKAAN
FAKULTI ALAM BINA**



FAB3000009723

**LANGKAH-LANGKAH KONTRAKTOR UNTUK MENANGANI KENAIKAN
HARGA BAHAN BINAAN**

WONG KOK HOA

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Sains Pembinaan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MEI, 2009

ABSTRAK

Bahan binaan merupakan elemen kos yang penting dalam sesuatu projek pembinaan. Fenomena kenaikan harga bahan binaan telah menyebabkan para kontraktor menghadapi pelbagai masalah serta mendatangkan kesan negatif terhadap industri binaan ini. Justeru itu, tercetuslah objektif kajian yang berdasarkan untuk mengenalpasti langkah-langkah yang diambil oleh kontraktor dalam menangani kenaikan harga bahan binaan. Tujuan kajian ini adalah untuk mendapatkan langkah yang berkesan semasa menangani kenaikan harga bahan binaan. Bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan, borang soal selidik telah digunakan sebagai kaedah pengumpulan data. Jenis soalan-soalan yang diutarakan dalam borang tersebut adalah berbentuk analisis kekerapan, Skil Pemeringkatan *Thurstone*, skala *Likert*, dan purata min. Kajian ini tertumpu ke atas firma-firma kontraktor yang berdaftar dengan CIDB (Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia) di bawah kontraktor kelas G7 dan G6 di sekitar negeri Johor dan Kuala Lumpur. Hasil kajian ini boleh disimpulkan bahawa kontraktor memilih langkah membeli bahan secara pukal dan memasukkan klausa perlindungan harga dalam kontrak merupakan langkah-langkah yang paling berkesan dalam konteks kenaikan harga simen dan besi. Dengan adanya langkah yang berkesan dalam menangani kenaikan harga bahan binaan, risiko kontraktor mengalami kerugian dapat dielakkan. Manakala, langkah membina bangunan hijau, menangguhkan projek dan mengurangkan penggunaan besi merupakan langkah yang tidak berkesan bagi kontraktor dalam menangani kenaikan harga bahan binaan. Maka hasil penyelidikan ini diharapkan dapat menjadi satu panduan kepada semua pihak yang terlibat dalam industri binaan. Kesimpulannya, pihak kontraktor harus sentiasa bersiap sedia dengan pelaksanaan strategi yang cekap dalam menghadapi kenaikan harga bahan binaan semasa.

ABSTRACT

Building materials are one of the most important cost elements in construction projects. The significant increase of building materials' cost had caused the contractors face with several problems and resulted in negative impacts to the construction industry. Hence, the objective of the research is to identify the steps to be taken by contractors to overcome the price increase of building materials. The purpose of this study is to determine the most effective steps to handle the price increase of building materials. Questionnaires- the data collection instrument had been distributed and the analysis is by using Frequency Statistic Method, Thurstone Scale, Likert Scale and mean average. This research only focuses on the groups of respondent are limited to CIDB (*Construction Industry Development Board* Malaysia) Class G7 and G6 contractors registered in Johor and Kuala Lumpur. The findings of the study showed that purchasing materials in bulk and inserting price variation clause are the most effective steps to overcome the increase of cement and steel prices. Contractors are able to reduce the risk of profit loss through these effective steps. On the other hand, the solutions of green building, delaying the project and reducing the usage of steel are the ineffective ways to overcome the increase price of materials. Hopefully the outcome of this research will serve as the guideline to all parties involved in construction industry. In conclusion, contractors should always equip themselves with efficient strategies in handling the scenario of increase in building materials' price.